

## **Ucap Utama**

Yang Mulia  
Awang Haji Jemat bin Haji Ampal  
Setiausaha Tetap  
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

Seminar Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-21  
Negara Brunei Darussalam, 2005

19 Safar 1426 / 30 Mac 2005  
Dewan Canselor  
Universiti Brunei Darussalam

**MANDIRI**  
**TANGGUNGJAWAB BELIA**

## **MANDIRI - TANGGUNG JAWAB BELIA**

---

### Pengenalan

Pakar hubungan antarabangsa mempunyai 5 kriteria dalam menilai kuasa (Power) sesebuah Negara. Kriteria yang dimaksudkan ialah **keluasan Negara, jumlah penduduk, saiz ekonomi, keupayaan teknologi dan keupayaan pertahanan.** Kitani sama-sama memahami bahawa perkembangan keupayaan semua kriteria ini tertakluk kepada penduduk Negara itu sendiri. Dengan kata lain, keupayaan ekonomi, teknologi dan pertahanan sesebuah Negara bersandarkan kepada keupayaan penduduknya, iaitu **mandiri** penduduk Negara itu sendiri.

Semasa permasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 27 Rabiulawal 1404 bersamaan 1 Januari 1984, baginda antara lain bertitah:

*“Bahwasanya sekarang telah tiba masanya bagi Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa dengan secara penuh sebagai sebuah Negara yang berdaulat lagi merdeka di kalangan masyarakat Negara antarabangsa.”*

Jelas sekali sebagai ahli kepada masyarakat antarabangsa (a member of the international community) dan memikul semula tanggungjawab sebagai sebuah Negara yang merdeka, maka bertambahlah tanggungjawab kitani bernegara. Perlu kitani memikul tanggung jawab ini secara mandiri.

Sesuai jua kitani melihat, sebagai perbandingan, perbedaan kuasa mengikut saiz ekonomi negara-negara yang berkuasa besar dan negara-negara jiran kitani:

Amerika Syarikat	-	US\$10.99 trillion
China	-	US\$6.449 trillion
Germany	-	US\$2.271 trillion
Russia	-	US\$1.282 trillion
Indonesia	-	US\$758.8 billion
Malaysia	-	US\$207.8 billion
Singapore	-	US\$109.4 billion

Statistik ini memberi gambaran jelas sukatan(keupayaan) ekonomi yang menyumbang terus kepada pertumbuhan teknologi dan program ketenteraan masing-masing. Amerika Syarikat dilaporkan bukan sahaja mempunyai kuasa ekonomi yang terbesar tetapi juga kuasa teknologi dan kuasa ketenteraan yang terbesar di dunia. Pengaruh Amerika Syarikat jauh lebih tinggi dari China atau pun Germany, Russia dan lain-lain Negara. Keupayaan ini, iaitu menjadi adikuasa (superpower) tunggal didunia, bersandarkan kepada keupayaan rakyat dan penduduknya untuk mandiri.

Seminar hari ini diadakan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan tahun ini yang bertemakan **Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa**. Saya difahamkan yang ucap tama diharapkan dapat mengupas isu-isu nasional seperti ekonomi, politik, pendidikan, agama, wawasan Negara, bahasa, sastera dan budaya. Saya lebih awal memohon maaf kerana saya tidak dapat memenuhi hasrat yang sebegini luas. Perbincangan saya ini tertumpu kepada belia dalam keadaan sosio-ekonomi Negara masakini dengan harapan akan dapat memprovok perbincangan di kalangan belia dan para peserta di sini.

Bersandarkan kenyataan itu, kita harus berfikir bersama bagaimana untuk *memandirikan* belia demi mengukuhkan bangsa dan Negara.

### Belia Mandiri

Tujuan saya membentangkan pandangan ini bukan setakat suatu latihan akademik. Perbincangan ini adalah bersandarkan kenyataan yang ada, berasaskan pemerhatian dan pengalaman saya menangani belia sebelum dan semasa bertugas di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Apakah sifat MANDIRI?

Bagaimana menjadi MANDIRI?

**Mandiri** bermakna kita sebagai satu bangsa yang berkeupayaan, berkemampuan, berdaya tahan dan berdaya saing, penuh semangat untuk berdiri sendiri sebagai sebuah Negara yang merdeka dan berdaulat.

Diterjemah kepada rakyat dan penduduknya, sifat mandiri bererti rakyat dan penduduk faham bahawa Negara yang kita cintai ini memerlukan usaha gigih rakyatnya. Sikap gigih rakyat timbul disebabkan setiap rakyat menyedari dan faham di minda dan hati sanubari masing-masing apa yang perlu dilakukan demi menjamin kemandirian bangsa. Setiap penghuni menyumbang secara positif kepada ekonomi, politik dan sosial Negara dan tahu peranan masing-masing.

Cara menanai kemerdekaan ialah dengan mempelajari sifat **MANDIRI**, dengan nilai-nilai :

1. Yang boleh bertahan dan tidak mudah terpengaruh oleh kuasa luar atau pun pengaruh luar yang mencabar dan mengugat kestabilan dan keharmonian Negara dan masyarakat;
2. Yang kukuh dan tidak terjebak ke wabak dadah;
3. Yang tidak mudah terjebak ke dalam fahaman dan kegiatan pelampau, sama ada kegiatan pelampau agama atau pun perkauman yang setentunya mengancam kestabilan dan keamanan Negara;

4. Yang mahu belajar dan mewarisi ilmu yang berguna yang menyumbang kepada ekonomi, teknologi dan pertahanan Negara.

Semasa menyambut Tahun Baru Masihi 1985, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain bertitah:

*“Kemerdekaan yang kita capai semula itu adalah merupakan hanya satu detik dalam sejarah Negara kita yang tercinta ini. Pada detik tersebut, maka tercatat kenyataan yang Negara Brunei Darussalam telah mencapai semula kemerrdekaan dalam suasana aman tenteram. Bagi masa depan pula yakni mulai dari sekarang ada banyak lagi tugas dan kewajipan yang perlu kita laksanakan dengan sempurna demi untuk kebijakan anak cucu dan keturunan kita di masa yang akan datang.”*

Masa depan Negara bergantung kepada belia. Oleh itu, kerjasama bersepadu mustahak untuk membentuk belia yang bersifat Mandiri.

Hidup belia pada zaman sekarang sangat beruntung walaupun penuh dengan cabaran. Belia sekarang beruntung kerana diberi berbagai kemudahan dalam hidup sehari-hari. Akses kepada pelajaran dan kepada bahan-bahan pelajaran juga mudah. Maklumat yang sedia ada bukan sahaja dari bahan-bahan cetak tetapi juga melalui rangkaian internet. Dalam masa yang sama, belia juga mudah mengetahui perkembangan yang sedang berlaku di mana sahaja di

dunia ini. Belia kita berhadapan dengan perkembangan yang cepat yang sebahagiannya kurang bersesuaian untuk masyarakat kitani di sini. Akibat perbezaan antara kenyataan dengan idaman belia telah mewujudkan keadaan yang sangat mencabar, sama ada dari segi kehidupan sehari-hari atau pun dalam jangka masa panjang.

Di Negara Brunei Darussalam, perbezaan kenyataan dengan idaman belia mewujudkan berbagai ketegangan, sama ada dalam institusi keluarga maupun masyarakat. Kegagalan masyarakat menanganinya telah mewujudkan berbagai masalah sosial yang sering kita dengar.

Bukatlah hasrat saya untuk membentangkan masalah sosial di sini, setakat meristakan kenyataan yang dihadapi oleh belia. Masalah ini, bukanlah yunik kepada Negara kita sahaja tetapi dialami oleh banyak Negara di seluruh dunia. Yang yunik ialah geografi Negara kita yang kecil, dari segi saiz tanahnya serta jumlah penduduknya. Adalah amat penting bagi kita memupuk belia yang ada supaya dapat menanai Negara bukan sahaja sekarang tetapi juga masa hadapan.

Melihat dari sudut political-economy, belia kita sukar untuk bersaing dengan belia di rantau ini. Kitani hidup dengan penuh kemewahan sejak dari bangku sekolah lagi. Tahap pendapatan di Negara ini adalah tinggi berbanding dengan Negara di sekeliling kita menjadikan belia kurang bersedia untuk bersaing, dalam kata lain, tidak kompetitif. Rakyat dari Negara jiran boleh bekerja dengan

pendapatan yang rendah kerana "Purchasing Power Parity" (PPP) Negara masing-masing adalah tinggi dibandingkan dengan Negara kitani. Nilai gaji yang mereka terima adalah lebih tinggi dari nilai gaji yang diterima oleh belia kitani. Sebagai bandingan, berikut ialah nilai PPP\* Negara kitani berbanding dengan Negara jiran:

Negara Brunei Darussalam	-	1.5
Cambodia	-	5.4
Indonesia	-	5.0
Lao PDR	-	4.8
Malaysia	-	2.3
Myanmar	-	8.9
Philippines	-	4.4
Singapore	-	1.2
Thailand	-	3.8
Vietnam	-	5.4

\*Nilai ini berdasarkan perbandingan nilai pembelian dengan menggunakan US\$1.

Kenyataan yang terpapar ini jelas menunjukan yang belia di Negara Brunei Darussalam menghadapi cabaran yang sengit dari pekerja dari Negara jiran. Selain itu, keadaan hidup di negara ini juga memaksa belia untuk mendapatkan pendapatan yang lebih dari yang pihak swasta sanggup berikan.

**Walau bagaimana pun, belia perlu menerima hakikat bahawa mereka lah yang mesti merubah keadaan.**

## Langkah-Langkah Belia Mandiri

Cara menangani belia mestilah dari berbagai hala.

Saya tidak bermaksud untuk menyentuh mengenai pendidikan setiap rakyat dan penduduk kerana sistem pendidikan kitani di sini memang cukup dan sempurna. Peluang yang diberikan kepada setiap rakyat untuk melengkapkan diri melalui pendidikan rasmi adalah luas terbuka. Melalui polisi Kerajan Kebawah Duli Yang Maha Mulia setiap rakyat diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan setinggi yang masing-masing sanggup. Begitu juga pendidikan agama.

Walau bagaimana pun, tidak semua dapat memanfaatkan pendidikan yang diberikan. Bukannya kegagalan ini berpunca dari pendidikan rasmi tetapi kebanyakannya berpunca dari rumah. Latar belakang kehidupan kadangkalanya menyebabkan timbulnya masalah sosial, masalah yang menyumbang kepada lemahnya sifat mandiri kitani. Kenyataan yang dihadapi oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat yang menerima permohonan-permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan menunjukan bahawa kegagalan institusi keluarga semakin meningkat. Dan ini memberi akibat yang buruk kepada Negara, dalam masa terdekat dan juga masa panjang.

Jelas kepada kita bahawa institusi utama dalam menyuburkan sifat mandiri ialah institusi keluarga. Para ibu-bapa, iaitu kitani, mestilah menanam semangat bertanggungjawab kepada ahli-ahli keluarga

supaya anak-anak akan dapat subur dan membangun dan menjadi ahli masyarakat yang berguna.

Bagaimanakah setiap penduduk dan rakyat menyumbang/menjadi rakyat yang berguna dan mengisi peranan yang positif di dalam kelima-lima kriteria yang saya senaraikan tadi? Kefahaman setiap individu di negara ini tentang peranan masing-masing ke arah pertumbuhan ekonomi, teknologi dan pertahanan akan menjamin Negara kita ini sentiasa mandiri.

Sifat mandiri tertakluk kepada setiap individu. Kitani boleh menjadi penyumbang kepada perkembangan, pembangunan atau pun setakat pemerhati dan penerima hasil sahaja. Sudah tentu kitani perlu menjadi penyumbang kepada perkembangan dan pembangunan Negara – penyumbang yang positif dan aggressif. Jadi, dimanakah kelemahannya yang menyebabkan sebahagian penduduk dan rakyat kitani kurang menyumbang kepada kemandirian Negara dan menjadi statistik dalam senarai masalah social?

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang berusaha menangani masalah ini dengan cara membimbing dan mengasuh belia ke jalan yang menguntungkan.

### Kenyataan Mengenai Belia

Belia ialah golongan yang aktif dan sering terlibat dengan berbagai kegiatan. Secara umumnya, kegiatan yang belia ikuti terserah kepada keadaan yang ada pada mereka. Ada belia yang menjadi cerdik pandai dan menjadi penyumbang kepada masyarakat dan Negara. Ada juga belia yang menjadi pemimpin yang berbakat dan berwibawa dan berjaya membimbing rakan-rakan mereka dalam berbagai kegiatan yang positif. Ada belia yang berusaha sendiri mencari rezeki yang halal dan berjaya dalam bidang yang dimininya. Kebanyakan belia pula bersedia mengikut bimbingan dan menjadi pengikut. Segolongan kecil belia yang berbakat dan berwibawa memilih jalan yang tidak baik, dan menjadi ikutan belia-belia lain untuk bergiat di dalam kegiatan yang merosak Negara, i.e. mengedar dadah, dsb nya.

Di samping kitani menyedari bahawa kejayaan dan kegagalan individu berpunca pada dasarnya di peringkat institusi keluarga, usaha bersepadu akan membolehkan belia yang lemah menjadi belia yang kuat, terpimpin dan menyumbang kepada Negara dengan sifat MANDIRI yang ditanamkan kepada mereka.

Belia seharusnya dijadikan sasaran (target) dalam usaha Mandiri disebabkan belialah yang berlanjutan menyumbang kepada sesebuah Negara yang mandiri. Dari rumah ke bangku sekolah, ke peringkat pendidikan tinggi dan sehingga lah seorang itu berkhidmat untuk Negara nya, dia masih termasuk ke dalam golongan belia. Oleh itu, usaha yang bersepadu patutlah ditumpukan kepada golongan ini.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terus berusaha untuk membina belia supaya menjadi belia penyumbang positif. Antara langkah-langkah yang baru diambil ialah mengubah minda belia supaya berusaha dan berani mengambil risiko dalam perekonomian Negara.

Dengan kerjasama BINA, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta azam yang kuat dari pihak belia, Koperasi Pusat Pembangunan Belia (KOPPB) telah ditubuhkan dengan hasrat mengasuh belia kitani cara-cara bernesiga. Dalam menempuh liku-liku dan cabaran bernesiga, KOPPB telah mendapat bantuan dari pihak swasta. Dengan bimbingan atau pun ‘mentoring’ secara praktikal, kumpulan belia yang berkemahiran dari segi masakan dan katering sekarang ini mencuba menceburi alam perniagaan. Dalam erti kata lain, secara praktikalnya mereka bangun jam 4.00 pagi dan tidur lewat malam.

KKBS berharap komitmen ini bukan sahaja di peringkat belia tetapi juga di peringkat para ibu-bapa yang perlu sentiasa memberi dorongan dan semangat kepada anak mereka. Kegiatan dalam perekonomian Negara seperti ini, memerlukan belia tabah dan sabar kerana kegiatan inilah yang akan membawa belia kepada peluang yang lebih besar. Keterlibatan belia kitani bermakna kitani boleh berharap kepada masa hadapan di mana belia akan menguasai ekonomi Negara. Hakikat pada masa ini ialah orang-orang Melayu masih ketinggalan dibidang perniagaan. Seperti kata seorang

pemimpin Melayu yang terkenal dirantau ini, orang Melayu kitani tidak suka mengambil risiko dan lebih senang dengan makan gaji dengan Kerajaan. Keadaan ini mesti kitani ubah demi ketahanan Negara.

Potensi belia kitani bermiaga sangatlah luas. Implikasinya kepada ketahanan Negara juga sangat luas. Sebagai contoh, peniaga-peniaga asing sekarang ini sudah melarat bermiaga ke kampung-kampung. Kalau dulunya kedai-kedai Melayu yang diusahakan oleh anak kampong kitani masih ada berjual barang runcit, kenyataannya sekarang mereka tidak boleh bersaing dengan perniagaan asing yang sangat efisen. Dengan tumbuhnya belia yang mahu dan berkebolehan bermiaga, peranan yang dimainkan oleh peniaga-peniaga asing itu akan dapat diambil alih oleh belia setempat. Dengan sendirinya ekonomi Negara ini akan dapat berkembang dengan lebih pesat.

Seperti yang saya katakan tadi, peluang untuk bermiaga memang luas. Cuma golongan belia kitani adalah golongan yang tidak berpengalaman dan tidak berupaya untuk bermiaga. Apakah langkah yang baik diambil oleh pihak yang berkenaan bagi menentukan belia diberi peluang yang positif?

Di sini, saya ingin menyeru kepada belia supaya jangan menunggu untuk diberi peluang. Para belia perlu mengambil peluang yang ada untuk berkecimpung dalam perniagaan. Para belia mesti persepadu dan mengambil langkah yang positif, terutama di tempat kediaman masing-masing. Pengalaman koperasi memang ada di kalangan kita.

Jadikanlah pengalaman tersebut untuk berusaha dan mengambil alih perniagaan yang sekarang ini sedang dijalankan oleh peniaga-peniaga asing. Jangan ditunggu sehingga kitani semakin bergantung kepada mereka di tempat kediaman kitani sendiri.

### Kesimpulan

Dari segi perhubungan antarabangsa, kitani memahami di mana kedudukan kitani dalam rangkaian perhubungan antara Negara di alam globalisasi. Oleh itu, kitani mesti bertekad dengan penuh azam untuk menentukan bahawa Negara kitani akan tetap merdeka, berdaulat, aman dan damai. Peranan tersebut terletak sepenuhnya di bahu kitani sendiri sebagai rakyat dan penduduk Negara ini. Belia semestinya bergerak dan mengambil tindakan positif supaya dapat menyumbang kepada ‘kuasa’ Negara, sama ada secara langsung kepada ekonomi, teknologi mahu pun pertahanan atau pun sebagai pendukung kepada usaha rakan-rakan kitani.

Azam dan tekad dari belia ***seharusnya didukung secara bersepadu*** oleh agensi-agensi yang berkenaan. Setakat ini, dengan perundingan yang khusus dan kerjasama yang jelas, belia telah menunjukkan keupayaan untuk mandiri. Yang penting ialah ahli-ahli masyarakat yang lain nya yang berkait dengan usaha tersebut secara bersepadu hendaklah memainkan peranan membimbing serta membangun belia.

Dalam jangka yang panjang, belia akan menjadi pemangkin atau katalis kepada pertumbuhan ekonomi dan perkembangan teknologi yang menjadi penyumbang kepada ketahanan Negara. Sedikit demi sedikit, usaha bersepada setiap rakyat dan penduduk Negara akan menjamin kesinambungan kedaulatan, keharmonian, kesejahteraan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam.